

SULIT

3755/1

3755/1  
PERDAGANGAN  
KERTAS 1  
OGOS  
2017  
1 JAM 15 MINIT

NO KAD PENGENALAN

							-			-				
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

Nama Pelajar : .....

Tingkatan : .....



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
(CAWANGAN KELANTAN)**

---

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM  
TINGKATAN 5  
2017

---

PERDAGANGAN  
KERTAS 1  
MASA : SATU JAM LIMA BELAS MINIT

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**Arahan:**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

---

Kertas soalan ini mengandungi **16** halaman bercetak.

3755/1

**SULIT**  
**[LIHAT SEBELAH]**


- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan aktiviti untuk memenuhi keperluan manusia.

Kegiatan menghasilkan barang atau perkhidmatan yang mempunyai nilai faedah.

Apakah kegiatan di atas?

- A Pengkhususan
- B Perdagangan
- C Pengeluaran
- D Perusahaan

- 2 Rajah 1 menunjukkan cabang pengeluaran.



Rajah 1

Situasi manakah yang mewakili X?

- A Pensyarah mengajar di kolej
  - B Petani menanam padi di sawah
  - C Pekerja kilang membungkus minyak masak di kilang
  - D Peruncit besar-besaran menyimpan barang di gudang
- 3 Apakah sifat usahawan yang mencipta keluaran baharu ?
- A Kreatif
  - B Inovatif
  - C Bijak mengambil peluang
  - D Berani menghadapi risiko

4 Apakah syarat membolehkan sistem barter berlaku?

- I Terdapat lebih keluaran
- II Adanya kemahuan serentak
- III Wujudnya medium pertukaran
- IV Kehendak manusia tidak terhad

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


5 Maklumat berikut berkaitan perkhidmatan yang disediakan untuk melancarkan aktiviti perniagaan.

- Menyelaraskan permintaan dan penawaran
- Melakukan kerja-kerja akhir

Apakah bantuan perniagaan tersebut?

- A Promosi
- B Pergudangan
- C Pengangkutan
- D Perbankan

- 6 Gambar 1 menunjukkan aktiviti yang menggunakan sejenis saluran agihan



Gambar 1

Apakah jenis saluran agihan tersebut?

- A Pengeluar → Pemborong → Peruncit → Pengguna  
B Pengeluar → Pemborong → Pengguna  
C Pengeluar → Peruncit → Pengguna  
D Pengeluar → Pengguna
- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sejenis perniagaan runcit.

- Mempunyai lebih 10 cawangan
- Harga di semua cawangan adalah sama
- Nama dan logo perniagaan selaras di semua cawangan

Apakah jenis perniagaan runcit tersebut?

- A Pasar raya  
B Pesanan mel  
C Kedai sejaras  
D Koperasi runcit
- 8 Apakah bentuk pulangan yang diagih oleh koperasi runcit kepada anggotanya ?
- A Faedah  
B Dividen  
C Elaun  
D Upah

9. Pernyataan di bawah berkaitan dengan sejenis pemborong.

- Menyampaikan pesanan barang daripada pelanggan kepada pengeluar
- Barang dihantar terus kepada pelanggan
- Tidak menyimpan stok dagangan
- Tidak mempunyai gudang

Apakah jenis pemborong tersebut ?

- A. Broker
- B. Ejen penjual
- C. Ejen pengeluar
- D. Pemborong pesanan berwakil

10. Antara yang berikut, yang manakah tugas pemborong berfungsi penuh?

- I. Menjual barang pada harga murah
  - II. Menyediakan kemudahan pergudangan
  - III. Menjual dan membeli pelbagai jenis barang
  - IV. Memperagakan barang di premis perniagaan
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

11. Gambar 2 menunjukkan salah satu sebab berlakunya pengambilalihan fungsi pemborong.



Gambar 2

Apakah sebab tersebut?

- A. Barang yang dipesan khas oleh pengguna
  - B. Berlaku perlantikan ejen oleh pengeluar
  - C. Penubuhan bentuk lain peruncitan
  - D. Penubuhan kedai sejaras
12. Gambar 3 menunjukkan satu kempen pelancongan yang diadakan oleh kerajaan negeri Kelantan.



Gambar 3

Apakah tujuan kempen tersebut?

- A. Menambah eksport tak nyata
- B. Menambah import tak nyata
- C. Menambah eksport nyata
- D. Menambah import nyata

13. Jadual 1 berikut menunjukkan data eksport Malaysia.

Jenis Eksport	Nilai Eksport (RM Juta)
Pertanian	25 000
Pelancongan	3 400
Galian	13 000
Pengangkutan	2 100
Perkilangan	37 500

Jadual 1

Hitungkan perbezaan di antara nilai eksport nyata dengan eksport tidak nyata

- A. 44 000
- B. 48 200
- C. 70 000
- D. 74 200

14. Gambar 4 menunjukkan sejenis pengangkutan



Gambar 4

Apakah dokumen yang digunakan untuk menyewa pengangkutan tersebut?


- A. Janji carter
- B. Surat cagaran
- C. Resit nakhoda
- D. Nota perkapalan

15. Antara yang berikut, yang manakah benar tentang penyata akaun?
- I. Dikeluarkan untuk membetulkan kesilapan invoice
  - II. Ringkasan urusan antara pembeli dan penjual
  - III. Membolehkan pembeli menyemak dan membanding akaunnya
  - IV Merupakan cara sopan untuk mengutip hutang daripada pembeli
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV
16. Apakah persamaan antara perniagaan dalam negeri dengan perniagaan antarabangsa?
- A. Penggunaan mata wang yang sama
  - B. Memerlukan bantuan perniagaan yang sama
  - C. Penggunaan timbangan dan sukatan yang sama
  - D. Kedua-duanya bebas daripada halangan, sekatan dan duti
17. Apakah kepentingan industri kecil dan sederhana (IKS) kepada negara ?
- I. Menambah daya kreativiti
  - II. Mewujudkan tabiat menabung
  - III. Mewujudkan peluang pekerjaan
  - IV. Memperkukuh struktur asas industri negara
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV



18. Antara keluaran usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) berikut, yang manakah terlibat dengan skim subkontrak ?

A




B



C



D



19. Apakah bentuk pulangan dari pelaburan harta tanah ?

- I. Sewa
- II. Dividen
- III. Syer bonus
- IV. Keuntungan modal

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

20. Apakah kepentingan pasaran saham kepada syarikat berhad ?

- A. Mengelak penipuan oleh broker
- B. Memilih syer yang sesuai untuk dilabur
- C. Memberi sifat kecairan kepada syernya
- D. Memudahkan pengumpulan modal

21. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis milikan perniagaan.

- Menanggung liabiliti tidak terhad
- Segala keputusan akan dibuat oleh pemilik sendiri

Apakah jenis milik perniagaan tersebut ?

- A. Perbadanan awam
- B. Milikan tunggal
- C. Perkongsian
- D. Koperasi

22. Maklumat berikut adalah nama sebuah syarikat berhad.

OMBAK RINDU BERHAD

Apakah maksud perkataan "berhad" di atas ?

- A. Syer boleh dipindahkan dengan bebas
- B. Pemegang syer menanggung liabiliti terhad
- C. Laporan kewangan terhad kepada ahli sahaja
- D. Syarikat menawarkan syernya kepada orang ramai

23. Maklumat berikut berkaitan dengan cara memulakan perniagaan.

Menjemput individu tertentu untuk mendapat kepakaran dan nama baiknya.

Apakah cara memulakan perniagaan tersebut ?

- A. Memulakan sendiri
- B. Mengambil alih
- C. Diundang
- D. Francais

24. Antara yang berikut, yang manakah perlu dipertimbangkan oleh pihak bank sebelum meluluskan sesuatu permohonan overdraf ?

- I Nilai cagaran
  - II Jenis pemilikan perniagaan
  - III Jenis produk yang dikeluarkan
  - IV Kedudukan kewangan pemohon
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

25. Apakah kelebihan penggunaan cek dalam urusanniaga?

- I Selamat digunakan
  - II Boleh digunakan di mana-mana tempat
  - III Boleh digunakan oleh sesiapa sahaja
  - IV Menjadi bukti pembayaran
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV


26. Situasi yang manakah merupakan risiko boleh diinsuranskan?
- A Kedai emas Encik Yusof dirompak
  - B Rumah Puan Esah rosak akibat dilanda ribut
  - C Tanaman Encik Maniam musnah akibat kemarau panjang
  - D Pakaian ciptaan Butik Mira tidak mendapat sambutan pelanggan

27. Situasi berikut berkaitan dengan satu tuntutan insurans

Puan Amalina telah kehilangan sebuah kereta akibat kecurian dan syarikat insurans membayar ganti rugi kepadanya. Apabila kereta tersebut dijumpai semula, Puan Amalina cuba menuntut kereta itu kembali tetapi ditolak oleh syarikat insurans.

Apakah prinsip insurans yang membolehkan syarikat insurans untuk menolak tuntutan Puan Amalina?

- A Penuh percaya mutlak
  - B Sumbangan
  - C Subrogasi
  - D Doktrin sebab hampiran
28. Gambar 5 menunjukkan sejenis pengangkutan.



Gambar 5

Apakah kelemahan jenis pengangkutan di atas?

- A Kesyakan lalu lintas
- B Saiz dan berat kargo terhad
- C Serahan barang dari pintu ke pintu
- D Boleh mengangkut barang yang mudah rosak

29. Puan Laily seorang pekerja di kilang batik.  
Bagaimanakah pengangkutan dapat membantunya?
- A Menggalakkan pengeluarannya
  - B Meluaskan pasarannya
  - C Mempelbagaikan pilihannya
  - D Memudahkan pergerakannya
30. Apakah faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan sebelum memilih jenis pengangkutan?
- I Ruang muatan yang luas
  - II Saiz dan kuantiti barang
  - III Jenis dan nilai barang
  - IV Polisi kerajaan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
31. Antara berikut, agensi manakah yang memberi kuasa kepada pejabat pos untuk mengutip bayaran atau bil daripada orang ramai ?
- I Tenaga Nasional Berhad
  - II Jabatan Pengangkutan Jalan
  - III Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri
  - IV Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM)
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV


32. Bagaimanakah gudang dapat menstabilkan harga barang?
- I Mengeluarkan barang dari gudang semasa permintaan berlebihan
  - II Mengeluarkan barang dari gudang semasa penawaran berlebihan
  - III Menyimpan barang di gudang semasa permintaan berlebihan
  - IV Menyimpan barang di gudang semasa penawaran berlebihan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
33. Pernyataan yang manakah menerangkan ciri gudang yang baik?
- A Lokasi yang berdekatan dengan pengguna akhir.
  - B Kemudahan menjalankan penyelidikan.
  - C Hiasan dalaman yang menarik.
  - D Ruang simpanan yang luas.
34. Perbualan berikut berkaitan dengan sejenis promosi.



Apakah jenis promosi tersebut?

- A Promosi jualan
- B Pengiklanan
- C Jualan terus
- D Publisiti

35. Rajah berikut menunjukkan unsur campuran pemasaran.



Pernyataan manakah yang berkaitan dengan unsur yang bertanda X ?

- A Keluaran mesti mampu bersaing di pasaran.
- B Keluaran sentiasa diperingatkan kepada pengguna
- C Keluaran mesti disampaikan kepada pengguna dengan segera.
- D Keluaran mestilah berkualiti untuk memenuhi cita rasa pelanggan

36. Berikut ialah usaha kerajaan untuk membantu peniaga.

- Merupakan insentif pelepasan cukai
- Diberikan kepada syarikat yang terlibat dalam kegiatan ekonomi yang dipromosi oleh kerajaan

Apakah insentif tersebut ?

- A. Elaun pelaburan
- B. Elaun eksport
- C. Taraf perintis
- D. Tarif kastam

37. Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi sebuah agensi kerajaan.

- Membantu pengeluar memasarkan produk mereka ke luar negara
- Menjalankan penyelidikan pasaran, menerima pertanyaan, dan membekalkan maklumat kepada peniaga luar negara

Apakah agensi kerajaan tersebut?

- A UDA Holdings Berhad (UHB)
- B Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- C Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC)
- D Perbadanan Pembangunan Perniagaan Antarabangsa Malaysia (MATRADE)

38. Maklumat di bawah berkaitan dengan hak pengguna.

Pengguna perlu dilindungi daripada pemprosesan dan pemasaran produk yang menjejaskan kesihatan.

Apakah hak pengguna tersebut ?

- A Hak mendapat alam sekitar yang selamat.
- B Hak mendapat keselamatan.
- C Hak mendapat ganti rugi.
- D Hak membuat pilihan.

Soalan 39 - 40 berdasarkan pilihan jawapan dalam jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan 1	Pernyataan 2
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

39. I Bank Negara Malaysia mempunyai kuasa untuk menerbit dan mengurus bekalan mata wang  
II Bank Negara Malaysia memberi pinjaman kepada usahawan
40. I Peniaga yang mengamalkan tanggungjawab terhadap pekerjaanya tidak akan membenarkan mereka bercuti.  
II Peniaga yang mengamalkan tanggungjawab terhadap pekerjaanya akan menyediakan tempat kerja yang selesa.

**KERTAS SOALAN TAMAT**